

# Titi runtuh sukarkan penduduk

»1,000 warga Kampung Sera rayu segera selesai masalah

Oleh Azahar Hashim  
bhnews@bh.com.my

► Kulim.

Kira-kira 1,000 warga Kampung Sera di Sungai Ular, dekat sini, merayu supaya segera diselesaikan masalah hakisan tebing sungai serta runtuhan yang menyukarkan aktiviti penduduk.

Rata-rata mereka mendesak dibina titi baharu menggantikan kemudahan sedia ada yang sudah runtuh.

Keadaan itu menimbulkan kesulitan kepada penduduk untuk berhubung terutama pelajar untuk sampai ke sekolah berhampiran.

Seorang penduduk, Suhaimi Mustafa, 37, berkata masalah titi runtuh serta hakisan pada tebing sungai di kampung berkenaan berlarutan sejak sekian lama.

Beliau berkata, sehingga kini masih belum ada pihak yang mengambil tindakan menangani masalah itu.

## Masalah berlarutan

Beliau berkata, penduduk bukan hendak menyalahkan sesiapa dan masing-masing faham untuk melaksanakan sesuatu projek itu memerlukan peruntukan, namun masalah itu sudah sekian lama berlarutan menyebabkan aktiviti penduduk terbatas.

“Sejak beberapa tahun lalu

penduduk menyuarakan kebimbangan serta aduan sama ada secara lisan atau bertulis mengenai masalah titi namun tidak ada sebarang tindakan diambil.

“Selain itu, sisa runtuhan titi konkrit itu terbiar di dalam sungai dan setiap kali hujan lebat paras air sungai meningkat. Apabila keadaan ini berlaku, sampah seperti batang dan ranting pokok yang dibawa arus tersekat pada runtuhan itu.

“Akibat aliran air sungai deras yang tersekat, arus kuat beralih ke arah kawasan tebing sungai hingga menyebabkan kesan hakisan lebih teruk,” katanya.

Suhaimi berkata, titi yang menyebarkan Sungai Ular ranap pada tahun 2013 ketika hujan lebat.

Ketika itu katanya, keadaan tidak seteruk ini. Bagi menangani



Penduduk menunjukkan titi konkrit yang runtuh dan perlu dibaiki segera di Kampung Sera, Sungai Ular, Kulim.  
[FOTO AZAHAR HASHIM/BH]

keadaan itu, penduduk menjalankan aktiviti bergotong-royong membina titi sementara menggunakan menggunakan kayu di atas titi konkrit untuk memudahkan penduduk.

## Terpaksa lalui laluan jauh

Bagaimanapun, pada September tahun lalu, titi sementara itu runtuh menyebabkan laluan digunakan penduduk untuk ke Masjid Kampung Sera serta ke Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Ular terganggu.

“Penduduk terpaksa melalui laluan yang jauh itu kira-kira lima kilometer (km) untuk ke sekolah dan masjid berbanding jika menggunakan titi hanya sekitar dua kilometer.

“Saya terpaksa mengeluarkan perbelanjaan membina sangkar batu bagi menahan tebing sungai yang semakin terhakis di hadapan rumah saya. Namun kemudahan itu juga mengalami kerosakan disebabkan hakisan tanah,” katanya.

Seorang lagi penduduk, Mohd Hafidz Roslan, 23, berkata titi yang menjadi laluan utama penduduk perlu kerana mereka mempunyai anak untuk ke SK Sungai Ular dengan menunggang motosikal dan basikal.

Beliau berkata, laluan itu lebih selamat berbanding laluan utama iaitu Jalan Kulim-Serdang yang sentiasa sibuk boleh membahayakan



“Penduduk terpaksa melalui laluan yang jauh itu kira-kira lima kilometer untuk ke sekolah dan masjid”

Suhaimi Mustafa,  
Penduduk



“Penduduk mengharapkan pihak berkaitan Pejabat Daerah Kulim dan JPS mengambil tindakan segera menangani masalah itu”

Mohd Hafidz Roslan,  
Penduduk

pengguna jalan raya lain terutama penunggang motosikal.

“Penduduk mengharapkan pihak berkaitan Pejabat Daerah Kulim serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengambil tindakan segera menangani masalah itu,” katanya.

Sementara itu Jurutera Daerah (JPS) Daerah Kulim/Bandar Baharu, Mohd Idrus Amir, berkata pihaknya sedia maklum masalah yang dibangkitkan penduduk di Kampung Sera itu, yang disebabkan aktiviti kerja pasir di hulu sungai.

## Aktiviti lepaskan air dari kolam takungan

Beliau berkata, penduduk mengesyaki aktiviti melepaskan air dari kolam takungan ketika hujan ini menjadi punca arus deras hingga menyebabkan berlakunya hakisan.

“Berdasarkan laporan sebelum ini, titi terbabit dibina Pejabat Daerah Kulim dan mengalami kerosakan akibat hakisan sungai.

“Atas faktor keselamatan JPS akan membersihkan sisa runtuhan titi itu dalam masa terdekat selepas pihak kami melantik kontraktor untuk kerja pembaikan.

“Pada masa sama, JPS sedang bekerjasama dengan agensi kerajaan berkaitan bagi menguatkuasakan serta memantau kawasan yang menjalankan kerja pasir di sekitar daerah ini,” katanya.